

12 NOV 1998

MAYC EDAR KAD UCAPAN KEPADA PERDANA MENTERI

LANGKAWI, 12 Nov (Bernama) -- Persatuan Kelab-kelab Belia Malaysia (MAYC) Langkawi sedang mengedarkan kad ucapan untuk ditandatangani oleh penduduk di sini sebagai tanda sokongan kepada kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Naib Pengerusi 1 MAYC Hadnan Ismail hari ini berkata lebih 400 kad, yang setiap satu boleh mengisi 21 tandatangan, telah diedarkan kepada orang ramai.

Ketika bercakap kepada pemberita di sini, beliau berkata mereka yang ingin menyertai kempen itu boleh mendapatkan kad berkenaan daripada Pejabat Kemajuan Masyarakat (KEMAS) di Ulu Melaka atau menelefon 04-9552442 sebelum Ahad ini.

Katanya kesemua tandatangan itu akan diserahkan kepada Timbalan Ketua UMNO Bahagian Langkawi Hassan Bulat untuk diserahkan kepada jawatankuasa kempen peringkat negeri pada 20 Nov ini.

-- BERNAMA

NH NMO